



## KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN		
TARIKH	:	11/10/2019	MUKA SURAT	: 17
JABATAN	:	KATS / SPAN		
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>		

Mekanisme Penetapan Tarif Air

Makluman: BAP/SPAN BH m/s 17 11/10/2019

# Kadar baharu tahun depan tak membebankan

Cadangan pelarasan dengan kenaikan minimum antara 0.06 sen hingga 0.71 sen



**Mekanisme itu bagaimanapun hanya akan dilaksanakan selepas mendapat kelulusan Kabinet.**

**Tengku Zulpuri Shah Raja Puji, Timbalan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli**

**Kuala Lumpur:** Mekanisme Penetapan Tarif (TSM) Air yang dijangka mula dilaksanakan tahun depan tidak akan membebankan isi rumah berpendapatan rendah.

TSM mencadangkan pelarasan tarif minimum dengan kenaikan minimum antara 0.06 sen hingga 0.71 sen bagi setiap 1,000 liter, lebih rendah berbanding bayaran utiliti lain seperti elektrik, gas dan telekomunikasi.

Purata kadar tarif air ketika ini adalah RM1.38 bagi setiap 1,000 liter, berbanding kos sebenar RM2.31.

Timbalan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Tengku Zulpuri Shah Raja Puji, berkata mekanisme itu bagaimanapun hanya akan dilaksanakan selepas mendapat kelulusan Kabinet.

"Bagi menjamin pelaksanaan TSM tidak membebankan isi rumah berpendapatan rendah, kerajaan akan memastikan kenaikan minimum dilakukan kepada jalur penggunaan antara 0 hing-

ga 20 meter padu.

"Ini kerana penggunaan air dalam jalur itu mewakili 47.8 peratus pengguna domestik di Malaysia," katanya menjawab soalan Datuk Mansor Othman (PH-Nibong Tebal) di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau berkata, tarif sedia ada tidak melambangkan kos sebenar dan melemahkan kemampuan kewangan operator air serta ber-



TSM Air hanya dilaksanakan selepas mendapat kelulusan Kabinet.

isiko menjejaskan kualiti perkhidmatan kepada pengguna.

Pada 8 September lalu, Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr Xavier Jayakumar dilaporkan berkata, kadar baharu tarif air bagi semua negeri mungkin diumumkan hujung tahun ini.

Bagaimanapun, katanya, perkara terbabit akan dibawa kepada Jemaah Menteri terlebih dahulu untuk dibincangkan.

Mengenai peratusan kenaikan tarif air itu, Xavier dipetik berkata, kementeriannya akan memastikan kenaikan kelak tidak membebankan rakyat.

Namun pada masa sama, beliau turut meminta rakyat faham bahawa industri air negara sudah lama tidak melalui perubahan dan perkhidmatan itu juga memerlukan modal operasi yang besar.